



Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:
www.consumer.org.my

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Kenyataan Akhbar

20 Mac 2017

Undang-undang Tanda Harga Mesti Dikuatkuasakan

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan supaya menguatkuasakan Akta Kawalan Harga 1946 Pindaan 1973, Seksyen 8 (1) yang memerlukan peniaga mempamerkan tanda harga barangan yang dijual.

Tinjauan kami di sekitar Pulau Pinang menunjukkan ramai peniaga dengan sewenang-wenangnya melanggar Akta Kawalan Harga. Hasil tinjauan kami adalah seperti berikut:

Jenis premis	Bilangan kedai	Bilangan kedai tidak patuh undang-undang	Bilangan kedai patuh undang-undang	Peratus kedai melanggar undang-undang
Gerai makanan	85	28	57	33%
Restoran	20	8	12	40%
Kedai runcit	15	6	9	40%
Kedai peralatan komputer	10	5	5	50%
Kedai alat ganti kereta	10	3	7	30%

Pelaku kesalahan utama ialah di mana harga makanan dan minuman yang dijual oleh gerai-gerai ini tidak mempunyai senarai harga yang dimaperkan. Kadangkala mereka meletakkan senarai harga yang ditulis sepenuhnya dalam bahasa cina.

Senarai pelaku kesalahan yang kedua ialah restoran yang tidak mengemaskini senarai harga mereka. Banyak kedai makan mempunyai senarai harga mereka yang terletak jauh daripada di mana makanan ditempatkan. Oleh sebab itu, adalah sukar bagi pelanggan untuk mengetahui harga makanan yang diambilnya dan sering harganya melebihi daripada bajet mereka.

Pada umumnya, pengguna dikenakan bayaran berlebihan dalam kes ini dan mereka tidak mempunyai senarai harga untuk berhujah mengenai bayaran yang dikenakan kepada mereka.

Menurut Akta, adalah menjadi tanggungjawab kepada penjual untuk memaklumkan kepada pembeli mengenai harga dan kekurangan penguatkuasaan menghalang keberkesanan undang-undang ini.

Sehubungan ini, CAP menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menjalankan operasi di seluruh negara dengan memeriksa dan menguatkuasakan dengan tegas undang-undang ini selaras dengan Seksyen 8(1) Akta Kawalan Harga 1946 Pindaan 1973. Mereka yang melakukan kesalahan ini perlu diambil tindakan dengan segera.

S. M. Mohamed Idris
Presiden
Persatuan Pengguna Pulau Pinang